

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 30, 2019 10:44 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 20 Tahun Berniaga Produk Timur Tengah – Tauke Kurma Didik Warga Kampus Tentang Kebaikan Makanan Sunah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 MEI 2019 / 25 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

20 TAHUN BERNIAGA PRODUK TIMUR TENGAH – TAUKE KURMA DIDIK WARGA KAMPUS TENTANG KEBAIKAN MAKANAN SUNAH



UUM ONLINE: Hari ini masyarakat sudah menjadikan makanan sunah seperti kurma, minyak zaitun, madu dan habbatus sawda sebagai amalan harian berbanding suatu ketika dahulu masyarakat hanya makan kurma ketika bulan puasa sahaja.

Menyingkap perjalanan berniaga selama 20 tahun, Hasrol Ahmad, 42, membekal produk timur tengah di samping memberi pendedahan kesihatan tentang kebaikan makanan sunah.

"Sambutan sangat menggalakkan, berniaga kurma dan makanan sunah merupakan satu kelebihan kerana permintaan yang tinggi, persaingan kurang dan *profit margin* yang berbaloi-baloi.

"Kalau 15 tahun dulu orang nak makan kurma, tunggu bulan puasa saja tetapi kesedaran dan teknologi maklumat di hujung jari yang menceritakan khasiat makanan sunah telah melonjakkan permintaan," jelas Hasrul di kedainya yang beroperasi di Pusat Islam, UUM.

Pemilik Syarikat Tamar Utara Enterprise ini membekal 35 jenis kurma seperti Rotab Bam, Safia, Mariami, Safawi, Ajwa, Jewel, Ajmal dan Anbara dari Asia Barat dan Afrika Selatan, termasuk Tunisia, Oman, Iran, Arab Saudi, Mesir dan Jordan.

"Kebanyakan produk yang ada di pasaran sama sahaja cuma dibrand menyebabkan harga menjadi mahal," cerita berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Awam dari UUM.

Ujarnya, dari segi cabarannya tentunya risiko barang-barang rosak dan pusingan tunai yang tinggi dalam perniagaan ini kerana semua produk dibawa dari Timur Tengah.

“Kurma akan rosak dalam tempoh singkat misalnya selepas sebulan kurma akan rosak dan dibuang jadi kena ada bilik sejuk kerana kurma dalam karton boleh tahan sehingga 4 tahun,” katanya yang berasal dari Pokok Sena.

“Cabaran lain dari segi budaya orang arab yang agak kasar, *straight* dan tegas bila berunding berbanding dengan orang kita yang lebih bertolak-ansur.

“tidak semua peniaga ini jujur misalnya dalam kualiti buah kerana ada yang mencampurkan stok buah lama dengan yang baharu dan akibat penipuan ini syarikat mengalami kerugian,” kongsinya.

Melalui Perniagaan yang diusahakan, Hasrul memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kebaikan makanan dan buah-buahan dari Timur Tengah selari dengan sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud *Perut adalah tempat bermula pelbagai penyakit*.

“Dengan menjadikan Rasulullah sebagai teladan terulung dalam aspek pemakanan, apa yang diamalkan Baginda seharusnya dijadikan ikutan termasuk dalam pemakanan.

“Selain itu, ahli fiqh telah menyebut, *berubatlah dengan makanan sebelum kamu berubat dengan ubat*.

“Kita juga dapat menyebarkan kebaikan pengambilan makanan tambahan yang sudah menjadi *trend* masyarakat kerana mampu memulihkan penyakit kronik secara rawatan semualajadi dengan izin Allah,” tambahnya.

Jelasnya, kebanyakan orang tidak tahu khasiat biji aprikot yang menjadi ubat mujarab bagi pengidap kanser payudara dan minyak zaitun (extra virgin oil) untuk penghidap asma.

“Bagi yang sukar mendapatkan zuriat, ambil buah zuriat belah, tumbuk dan gabung dengan pati delima dan bunga kurma kemudian rebus dengan 1 liter sampai bertukar warna teh untuk diamalkan pagi petang dan malam,” kongsinya.

Sambutan yang menggalakkan mendorong beliau melebarkan sayap dengan membuka satu lagi cawangan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas pada 2008.

Dalam pada itu, Hasrul turut mengambil pelajar sebagai pekerja sambilan yang memberi pengalaman perniagaan sebenar dan menjana pendapatan mereka.

“Apabila pelajar keluar dari UUM mereka telah mempunyai ciri keusahawanan di kalangan orang muda mempunyai fizikal cergas, mental cerdas, bersemangat, energetik dan kreatif,” luahnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.